

UMSKAL johan Pertandingan Debat Piala Pengetua

NST 10.4.2012 7

LABUAN: Kelab Debat Bahasa Melayu Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (KDBMKAL) telah mencatat sejarah selepas dinobatkan sebagai johan dalam Pertandingan Debat Piala Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTm) yang berlangsung di UMS, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Dengan kekuatan seramai 10 orang pendebat KDBMKAL dan seorang jurulatih, Hasrul Effendi Muhd Salleh, UMSKAL telah menghantar tiga pasukan ke Pertandingan Debat Piala Pengetua KKTm yang berlangsung selama tiga hari dua malam.

Satu daripada pasukan yang dihantar telah berjaya ke pentas akhir Pertandingan Debat Piala Pengetua KKTm yang diwakili oleh mahasiswi tahun akhir di UMSKAL iaitu Nur Medina Khairul Anuar, Fatin Nabilah Baharin dan Nur Janah Mohd Firdaus yang merangkul piala dan wang tunai serta sijil penyertaan.

Pasukan UMSKAL terus ceria apabila Fatin Nabilah Baharin telah berjaya menarik perhatian juri sehingga memilihnya sebagai pendebat terbaik pentas



JOHAN.....Kelab Debat Bahasa Melayu UMSKAL johan Debat Piala Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha.

akhir pertandingan debat tersebut.

Walaupun terpaksa mengharungi perjalanan yang jauh, pasukan pendebat tempuhi bersama barisan Majlis Perwakilan Pelajar Kampus Antarabangsa Labuan (MPPKAL) yang sudi menghulurkan

bantuan kepada pasukan KDBMKAL dalam misi untuk sampai ke Pertandingan Debat Piala Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTm) di Universiti Malaysia Sabah.-OLEH **JAINUDIN DJIMIN**